

15 MAY 1996

Negara - Bahas

WARTAWAN, KARYAWAN, WAKIL PENGGUNA WAJAR DIWAKILI DI DEWAN NEGARA

KUALA LUMPUR, 15 Mei (Bernama) -- Golongan wartawan, karyawan, seniman, ahli akademik, belia, kesatuan sekerja dan persatuan pengguna wajar dilantik sebagai anggota Dewan Negara, seorang senator mencadangkan hari ini.

Datuk Haji Ibrahim Ali yang membuat syor itu berkata, perwakilan daripada lebih banyak kumpulan masyarakat di negara ini dalam Dewan Negara bukan sahaja memberi ruang kepada mereka untuk bersuara malah mereka juga boleh memberi input kepada usaha pembangunan negara.

Ketika membahaskan usul terima kasih ke atas Titah Ucapan Diraja sempena pembukaan penggal kedua Parlimen kesembilan di Dewan Negara di sini hari ini beliau berkata, Dewan Negara harus ditambah keanggotaannya sejajar dengan perubahan kepada jumlah anggota Dewan Rakyat sekarang.

Ibrahim yang bercakap mengenai reformasi Parlimen mencadangkan agar anggota Dewan Negara berjumlah tidak kurang daripada dua pertiga jumlah anggota Dewan Rakyat.

Katanya, persempadanan semula kawasan pilihan raya telah menambahkan bilangan anggota Dewan Rakyat kepada 192 orang tetapi bilangan anggota Dewan Negara masih 68 orang dan jurang perbezaannya adalah besar.

Beliau mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana melantik Charern Intachat, mewakili masyarakat Thai Malaysia sebagai anggota Dewan Negara untuk menambah perwakilan kumpulan-kumpulan masyarakat dalam dewan itu.

Pada masa ini antara kumpulan masyarakat yang diwakili di Dewan Negara ialah Orang Asli dan persatuan perajurit.

Ibrahim turut mencadangkan agar satu mata pelajaran baru iaitu Politik Demokrasi diperkenalkan di sekolah menengah agar generasi muda akan lebih memahami mengenai demokrasi dan demokrasi yang diamalkan di Malaysia.

Beliau yang menyandarkan perbahasan mengenai demokrasi itu kepada ucapan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sewaktu merasmikan Konvensyen Ulangtahun ke-50 Umno Sabtu lepas, menganggap kupasan Dr Mahathir mengenai demokrasi dan demokrasi ala-Malaysia sangat berguna untuk rujukan rakyat negara ini.

Rakyat perlu disedarkan bahawa sistem demokrasi ciptaan manusia itu mempunyai kelemahan-kelemahannya tetapi ia masih merupakan sistem terbaik pada masa ini, katanya.

Demokrasi ala-Malaysia dilaksanakan di negara ini dengan cara yang betul sesuai dengan keadaan negara ini, tambahnya.

Persidangan Dewan Negara bersambung esok. -- BERNAMA

AFY CR